

UNTUK SIARAN SEGERA

Kempen ‘Raya Bersama’ Sime Darby Property Catat Tempahan Dengan Nilai GDV RM386 Juta

- Pemaju harta tanah Sime Darby Property menamatkan kempen Hari Raya Aidilfitri dengan tempahan untuk sebanyak 379 unit;
- Kejayaan yang dicapai dalam masa dua bulan ini menunjukkan populariti perbandaran dan produk, serta kesetiaan pengguna yang berterusan terhadap jenama Sime Darby Property.

ARA DAMANSARA, 6 JUN 2023 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) berjaya mencatat tempahan untuk sebanyak 379 unit bernilai RM386 juta Nilai Pembangunan Kasar (“*Gross Development Value*” atau “*GDV*”) menerusi kempen ‘Raya Bersama’ yang dijalankan pada 1 April hingga 31 Mei tahun ini.

Sebanyak 60% unit yang ditempah dengan nilai *GDV* sejumlah RM233 juta merangkumi produk-produk pelancaran baharu manakala lebihan 40% merupakan produk sedia ada dengan nilai *GDV* RM153 juta. Kebanyakan produk-produk tersebut terletak di perbandaran terkemuka Sime Darby Property iaitu Bandar Elmina, Bandar Bukit Raja dan Bandar Serenia.

Kadar tempahan produk yang amat memberangsangkan sewaktu kempen ‘Raya Bersama’ membuktikan kesetiaan berterusan dan tidak berbelah bahagi daripada pembeli rumah terhadap jenama Sime Darby Property.

“Sebagai pemaju harta tanah perintis di Malaysia, kami berusaha untuk memberikan pengalaman pemilikan rumah yang luar biasa, membina komuniti yang berdaya tahan serta memenuhi keperluan dan kebahagiaan para pelanggan. Kami percaya bahawa kempen ‘Raya Bersama’ ini telah membolehkan para pembeli untuk mengambil langkah pertama bagi mencapai hasrat pemilikan rumah mereka tahun ini,” kata Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei.

Sepanjang kempen ‘Raya Bersama’, Sime Darby Property telah menawarkan pelbagai tawaran menarik kepada para pelanggan termasuk RM10,000 wang tunai kepada 20 pembeli terawal yang bertuah; kotak hadiah eksklusif bagi pelanggan yang membuat tempahan; baucar istimewa dari KL East Mall dan Golfers Terrace Kuala Lumpur Golf & Country Club serta pengecualian duti setem dan Memorandum Pemindahan (“MoT”) dengan pembelian rumah terpilih Sime Darby Property.

Bukan itu sahaja, Syarikat juga telah menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat dengan mengadakan rumah terbuka di Bandar Serenia, Bandar Elmina, Nilai Impian, KL East, Bandar Universiti Pagoh, Bandar Bukit Raja, Bandar Ainsdale, KL GCC Resort dan Putra Heights dengan lebih 15,000 pengunjung hadir untuk menikmati aktiviti dan persembahan menarik serta juadah yang menyelerakan.

Sime Darby Property juga turut menganjurkan beberapa bazar Hari Raya (“Grand Raya Bazaar”) di perbandaran terpilih iaitu Putra Heights, KLGCC Resort, Bandar Serenia, Bandar Elmina, Bandar Bukit Raja dan Subang Jaya City Centre (“SJCC”). Bazar-bazar itu menampilkan produk dan servis daripada usahawan tempatan, kemunculan istimewa selebriti tempatan serta aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat seperti pengagihan bubur lambuk.

Sime Darby Property memeriahkan lagi sambutan Hari Raya dengan menghasilkan sebuah filem pendek dikenali sebagai ‘Raya Bersama’ yang mengetengahkan tema perpaduan dan kebersamaan melalui beberapa babak yang memaparkan hubungan yang tercipta ketika di meja. Selain muncul sebagai salah satu daripada 10 pemenang terbaik dalam Experts Choice Awards Raya TVCs edisi 2023, filem tersebut meraih lebih kurang 3.1 juta tontonan dalam masa dua bulan selepas ia diterbitkan.

“Sempena Hari Raya tahun ini, kami ingin menyediakan lebih banyak ruang yang berharga untuk menyatupadukan keluarga dan masyarakat. Sejajar dengan misi Force for Good Syarikat sebagai pengganda nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi dan planet, kami akan terus membangunkan inisiatif-inisiatif yang memfokuskan kepada nilai kemasyarakatan dan memastikan kesejahteraan semua lapisan generasi,” tambah Datuk Lai.

- TAMAT SIARAN -

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai ‘EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021’, serta pemenang bagi anugerah ‘Building Trust Awards 2021’ PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com